

Kerjasama UMNO-PAS, isu agama punca tewas: PM

BH - 4/3/2019 m/s: 3

➔ Pengundi berubah fikiran, marah tindakan pihak cetuskan provokasi

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Muhammad Yusri Muzamir dan Siti Norshafikah Rosli
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Kerjasama PAS-UMNO serta isu menyentuh sensitiviti umat Islam yang dimainkan pihak tertentu adalah antara faktor yang menyumbang kepada kekalahan Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih, kelmarin.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata perbezaan majoriti berbanding pilihan raya umum (PRU) lalu, menunjukkan sesetengah pe-

ngundi di Semenyih sudah berubah fikiran dan mempunyai persepsi negatif terhadap PH.

“Selain itu, ada segelintir orang yang membuat provokasi bagi menimbulkan kemarahan orang lain. Mereka melukis kartun Nabi dan pelbagai lagi.

Tingkat kemarahan

“Semua ini tidak menyumbang kepada kebaikan negara. Jadi, kita harap mereka tidak melakukan perkara seperti ini lagi kerana ia membuatkan orang sangat marah,” katanya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi PH, berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan sambutan Hari Landskap Negara 2019 yang bertemakan ‘Malaysia Negara Taman Terindah’ di Taman Botani Putrajaya di sini, semalam.

Kelmarin, Barisan Nasional (BN) merampas kembali kerusi DUN Semenyih apabila calonnya, Zakaria Hanafi, menang dengan meraih 19,780 undi.

Zakaria menewaskan calon PH, Mohammad Aiman Zanali, yang memperoleh 17,866 undi; calon Parti Sosialis Malaysia

(PSM), Nik Aziz Afiq Abdul, yang mendapat 847 undi dan calon Bebas, Kuan Chee Heng yang meraih 725 undi.

Ditanya sama ada PH bimbang dengan kerjasama antara UMNO dan PAS pada PRK akan datang, Dr Mahathir berkata kedua-dua parti itu hanya boleh bekerjasama dalam PRK, bukan dalam PRU.

“Mereka boleh kerjasama dalam PRK kerana menang kalah tidak penting tetapi, dalam PRU mereka tidak boleh kerjasama. Kalau bekerjasama, PAS tidak dapat apa-apa,” katanya.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengakui terdapat kelemahan dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan tetapi menegaskan usaha sedang dijalankan untuk penambahbaikan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, bukan mudah untuk kerajaan PH membaiki sistem yang sudah berusia 60 tahun dan beban hutang besar yang ditinggalkan kerajaan terdahulu.

“Selama 60 tahun kerajaan tidak pernah tukar. Bila kita ambil alih kita tidak ada dana

yang mencukupi. Ini fakta...hutang negara kalau kita tidak bayar, kita akan menjadi negara yang bankrap.

Perbaiki kelemahan

“Berilah kita sedikit ruang...memang ada kelemahan, saya akui dan tiada yang sempurna sebab Kabinet semua muka baharu kecuali Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

“Malah, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Lim Guan Eng hanya berpengalaman dalam pentadbiran kerajaan negeri. Kita pun baru sembilan bulan dan tak mudah mahu baiki sistem dalam tempoh singkat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Santai Sepetang bersama Timbalan Perdana Menteri di Dewan Serbaguna Taman Guar Perahu dekat Permatang Pauh.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya merangkap Pemangku Pengerusi PKR Pulau Pinang, Muhammad Bakhtiar Wan Chik dan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar.